

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1995/96

April 1996

AKP301 - PERAKAUNAN KEWANGAN III

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN (9)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan 1 dan 2 adalah **WAJIB** daripada Bahagian A. Pilih **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A (WAJIB)

Soalan 1

Maju Berhad
Imbangan Duga pada 31/12/1994

	Dt	Kt
	RM	RM
Akaun belum terima (peruntukan hutang ragu, RM5,000)	70,000	
Akaun belum bayar		30,000
Bank		10,000
Inventori	82,000	
Paten & tandaniaga	48,000	
Muhibah	30,000	
Penyelidikan & pembangunan	40,000	
Harta, hakmilik bebas (kos)	800,000	
Loji & mesin (kos)	650,000	
Peralatan (kos)	250,000	
Peruntukan susutnilai:		
Harta benda	200,000	
Loji & mesin	150,000	
Peralatan	50,000	
Cukai tertangguh		80,000
Cukai belum bayar		15,000

...2/-

10% Debentur boleh ditukar	120,000
Untung sebelum cukai bagi tahun	320,000
A/K untung & rugi baki 1/1/1994	80,000
Saham biasa, RM1.00 setiap	700,000
14% saham keutamaan boleh tebus	200,000
Premium saham	100,000
Kutipan dari keluaran saham biasa	55,000
Bayaran bagi penebusan saham keutamaan	110,000

	2,095,000

Maklumat tambahan:

(1) Nilai realis bersih inventori akhir ialah RM70,000.

(2) Untung sebelum cukai adalah selepas ditolak:

Dividen saham keuntungan = separuh tahun

Dividen saham biasa = 6%

Pelunasan atas nilai buku

Paten 20%, Muhibbah 25% dan Penyelidikan & pembangunan 50%

Susutnilai ke atas:

Harta benda RM40,000, Loji RM65,000 & Peralatan RM25,000

Faedah debentur bagi tahun ini

(3) Peruntukan perlu dibuat bagi:

Anggaran caj cukai bagi tahun ialah RM70,000 dan dipindah kepada cukai tertangguh ialah RM50,000. Peruntukan cukai bagi tahun lepas adalah kurang sebanyak RM15,000. Kadar cukai ialah 35%. Yuran juruaudit ialah RM10,000.

Dividen dicadangkan atas saham biasa ialah 5% dan separuh tahun kedua bagi saham keutamaan. Saham biasa baru yang telah dikeluarkan sepanjang tahun tidak berhak menerima dividen bagi tahun ini.

(4) Pada 31/12/1994, debentur telah ditukar kepada saham biasa pada kadar 100 saham biasa bagi setiap RM120 debentur.

(5) Harta benda telah dinilai semula kepada RM1 juta pada 31/12/1994 dan pihak pengarah bersetuju mengambil kira nilai ini ke dalam akaun.

- (6) Seorang pekerja telah cedera semasa menjalankan tugas rasmi. Beliau telah membuat tuntutan atas kecederaan dari syarikat sebanyak RM100,000. Perlindungan insuran tidak diambil oleh syarikat dan pendapat peguam ialah syarikat akan didapati kalah dalam kes ini. Tiada sebarang peruntukan telah dibuat oleh syarikat berhubung dengan kes ini. Jabatan cukai akan membenarkan butiran ini sebagai belanja yang boleh ditolak dari cukai syarikat.
- (7) Pada 15/1/1994, seorang penghutang syarikat yang berhutang RM20,000 telah melarikan diri ke luar negeri dan hutang beliau tidak mungkin dapat dikutip.
- (8) Pada 31/12/1994, saham keutamaan telah ditebus pada premium 10% dan 50,000 saham biasa telah dikelurkan bagi tujuan penebusan ini.

Premium atas penebusan harus dihapuskira dari premium saham.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan penyata kewangan dalam bentuk yang sesuai diterbitkan.
- (b) Jika perlindungan insuran RM100,000 telah diambil oleh syarikat, bagaimanakah liabiliti kontingen akan diambilkira.

[29 markah]

Soalan 2

Tulis nota ringkas tentang:

- (a) rizab penebusan modal
- (b) perolehan per syer tercair habis
- (c) kegunaan premium saham
- (d) rizab modal
- (e) rizab hasil

[15 markah]

...4/-

Bahagian B

Pilih dan jawab DUA soalan sahaja.

Soalan 3

Pada 1 Julai 1992, Halaman Bhd menubuhkan Dalam Bhd dan memperolehi 80% syarikat yang dikeluarkan pada nilai par RM1. Pada tahun berakhir 30 Jun 1996 Dalam Bhd telah menjual barang bernilai RM13,000,000 kepada Halaman Bhd dan barang ini dijual dengan harga RM19,000,000. Halaman Bhd mengenakan Dalam Bhd yuran pengurusan sebanyak RM1,200,000 untuk perkhidmatan yang diberikannya. Urusniaga antara syarikat tersebut dan lain-lain urusniaga adalah dicerminkan dalam penyata kewangan berikut:

	<u>Halaman Bhd</u> (RM 000)	<u>Dalam Bhd</u> (RM 000)				
Jualan	55,000	28,000				
Belian	32,000	12,000				
Untung kasar	23,000	16,000				
Belanja pentadbiran dan belanja lain	11,200	8,500				
	-----	-----				
	11,800	7,500				
Pendapatan lain						
- yuran pengurusan	1,200	-				
- dividen dari subsidiari	4,000	-				
Untung bersih	17,000	7,500				
Perasingan untung rugi b/b (1/7/1995)	41,000	15,000				
	-----	-----				
	58,000	22,500				
Tolak: Dividen Pertengahan Tahun dibayar Dividen Akhir dicadangkan	<table border="1"><tr><td>10,000</td></tr><tr><td>8,000</td></tr></table>	10,000	8,000	<table border="1"><tr><td>3,000</td></tr><tr><td>2,000</td></tr></table>	3,000	2,000
10,000						
8,000						
3,000						
2,000						
	18,000	5,000				
Perasingan untung rugi 30/6/1996	40,000	17,500				
Modal dibayar	100,000	25,000				
Peruntukan dividen belum dibayar	8,000	2,000				
Pendahuluan daripada Dalam Bhd	4,600	-				
Liabiliti lain	13,400	6,000				
	-----	-----				
	166,000	50,500				
	=====	=====				
		...5/-				

Peruntukan dividen belum terima	1,600	-
Pendahuluan kepada Halaman Bhd	-	4,600
Pelaburan dalam Dalam Bhd	20,000	-
Aset operasi	144,400	45,900
	-----	-----
	166,000	50,500
	=====	=====

Dikehendaki:

Sediakan akaun Untung Rugi Gabungan untuk tahun berakhir 30 Jun 1996 dan Kunci Kira Gabungan pada 30 Jun 1996 bagi Halaman Bhd dan anak syarikat Dalam Bhd.

[28 markah]

Soalan 4

Pengarah-pengarah tiga syarikat dalam sektor industri yang sama setuju dengan skim pengorganisasian semula yang kompleks supaya melicinkan operasinya. Kunci kira-kira syarikat tersebut pada 31 Mac 1995 adalah seperti berikut:

	Rama Bhd (RM 000)	Talib Bhd (RM 000)	Setia Bhd (RM 000)
Aset:			
Tunai dalam bank	13,500	-	-
Penghutang niaga	40,800	8,100	18,300
Stok dalam tangan	64,800	15,600	54,900
Jentera dan alatan (pada kos ditolak susutnilai)	21,900	5,700	14,250
Bangunan (pada kos)	9,000	5,400	6,300
Tanah pegangan bebas	12,000	7,200	11,250
	-----	-----	-----
	162,000	42,000	105,000
	-----	-----	-----

...6/-

Liabiliti:			
Debentur 8%	30,000	-	-
Overdraf bank	-	3,000	10,200
Liabiliti lain	33,000	12,000	21,000
Jumlah liabiliti	63,000	15,000	31,200
Aset bersih	99,000	27,000	73,800
	=====	=====	=====
 Ekuiti pemegang saham			
Modal dibenarkan	90,000	30,000	60,000
	-----	-----	-----
 Modal Syer Biasa @ RM1 dikeluarkan dan dibayar penuh	66,000	30,000	48,000
Premium syer	-	6,000	-
Rizab am	15,000	-	6,600
Perasingan untung rugi	18,000	DR9,000	19,200
	-----	-----	-----
	99,000	27,000	73,800
	=====	=====	=====

Untuk melaksanakan skim pengorganisasian semula ini, sebuah syarikat baru iaitu Megah Bhd ditubuhkan pada 1 April 1995 dengan modal diluluskan sebanyak RM225,000,000 dibahagikan kepada 45,000,000 syer keutamaan terkumpul 10% @ RM1 satu dan 180,000,000 syer biasa @ RM1 satu. Sebaik sahaja Megah Bhd ditubuhkan, urusniaga berikut telah dilaksanakan:

Rama Bhd: Aset dan liabiliti kecuali debentur, telah diperolehi dengan penukaran 75,000,000 syer biasa @ RM1 satu dibayar penuh. Harga belian termasuk 30,000,000 syer keutamaan terkumpul 10% @ RM1 satu dibayar penuh yang akan digunakan oleh Rama Bhd untuk menjelaskan debenturnya. Dua aset dinilai semula: penghutang niaga ke RM39,000,000 dan stok dalam tangan ke RM60,000,000. Selepas itu, Rama Bhd dibubarkan.

Talib Bhd: Semua syer yang dikeluarkan diperolehi dengan penukaran 22,500,000 syer biasa RM1 satu dibayar penuh dalam Megah Bhd. Harga pasaran syer ini ialah RM2.20.

Setia Bhd: Aset dan liabiliti diperolehi pada nilai buku dengan penukaran 60,000,000 syer biasa RM1 satu dibayar penuh. Setia Bhd dibubarkan selepas ini.

Dikehendaki:

- (a) Catatan jurnal untuk merekod urusniaga-urusniaga dalam buku Megah Bhd;
- (b) Kunci kira-kira Megah Bhd;
- (c) Akaun-akaun yang diperlukan untuk menutup buku Rama Bhd.

[28 markah]

Soalan 5

Kedudukan kewangan Relau Bhd adalah seperti kunci kira-kira berikut dan maklumat lain diberi:

Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 1995

	RM 000
Aset:	
Tunai dalam bank	4,000
Aset semasa lain	35,000
Hak cipta	12,000
Aset bukan semasa lain	83,000

Jumlah	134,000
Liabiliti:	
Nota tanpa cagaran 7% (termasuk RM2,000,000 faedah belum jelas)	30,000
Pembiutang niaga	44,000

Jumlah liabiliti	74,000
Aset bersih	60,000
	=====

...8/-

Ekuiti pemegang syer:

modal diluluskan	120,000
modal dikeluarkan dan dibayar	
20,000,000 syer keutamaan kumulatif 6% @ RM1 satu dibayar dengan penuhnya	20,000
80,000,000 syer biasa RM1 satu dibayar 75 sen setiap satu	60,000
Kerugian terkumpul	80,000
Jumlah Ekuiti pemegang syer	DR 20,000
	60,000
	=====

Maklumat lain:

- (a) Dividen keutamaan belum bayar RM2,400,000.
- (b) Pembiutang niaga bagi RM16,000,000 mengancam akan mengambil tindakan membubarkan syarikat.
- (c) Hak cipta dipercayai tidak bernilai lagi.

Oleh kerana keadaan yang begitu genting, pengarah-pengarah merangka skim pembinaan semula berikut yang dipersetujui oleh semua pihak:

- (i) Syer keutamaan kumulatif 6%: Walau syer ini adalah diutamakan dari segi pulangan modal pemegangnya bersetuju dengan pengurangan nilai dibayar setiap syer sebanyak 25 sen sekiranya dividen yang belum dijelaskan itu dibayar dan kadar dividen dinaikkan kepada 7.5%.
- (ii) Syer biasa: Satu panggilan 25 sen sesyer dibuat dan kemudiannya modal dibayar dikurangkan sebanyak 40 sen sesyer.
- (iii) Nota tanpa cagaran 7%: Pemegang nota ini bersetuju tidak akan menuntut pembayaran serta merta sekira Relau Bhd menukar 1/3 dan amaun yang dihutang kepada syer keutamaan kumulatif 10% @ RM1 satu dibayar sepenuhnya.

...9/-

- (iv) Pembiutang niaga: Semua pembiutang bersetuju untuk memberikan kredit jangka pendek sekiranya akaun-akaun jenis "lebih dari 60 hari" sebanyak RM18,000,000 itu dijelaskan.
- (v) Kerugian: Baki-baki Debit dalam akaun Perasingan Untung Rugi dan akaun Hak Cipta dihapuskan.

Semua wang dari panggilan diterima pada 1 September 1995 dan semua langkah-langkah pembinaan semula dilaksanakan.

Dikehendaki:

- (a) Catatan jurnal untuk merekod pembinaan semula tersebut dan
- (b) Kunci kira selepas pembinaan semula disiapkan.

[28 markah]

-00000000-